# 214 ditahan cuba seludup masuk dadah

MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata seramai 106 daripada 214 individu yang ditahan di pintu masuk negara dan lapangan terbang antarabangsa atas pelbagai kesalahan menyeludup dadah adalah penduduk tempatan, manakala selebihnya pecahan warga asing daripada negara berbeza.

Katanya, dalam tempoh lima tahun bermula 2005, jumlah tangkapan ke atas warga asing membabitkan 53 warga Thailand, 15 warga Peru.



**HISHAMMUDDIN...**
**106 warga tempatan**

Hishammuddin berkata, pihaknya akan memberi taklimat kepada semua petugas di pintu masuk negara serta pihak yang berkenaan mengenai modus operandi penyeludup dan sindiket dadah antarabangsa, sebagai langkah memerangi jenayah itu daripada menular dalam negara.